


Kertas Bil. 43/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN BUKIT BERUNTUNG GOLF &
COUNTRY RESORT BERHAD (BBGCB)**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGCB).

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

2. PENDENGARAN TERTUTUP

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012, Siri 3 pada muka surat 78-99, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 22 Julai 2014 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGCB). Wakil-wakil daripada BBGCB hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

1. Y.B Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
3. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
5. Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli

Jabatan yang dijemput adalah BBGCB dan MBI:

1. Encik Wan Afni Zam bin Wan Moran
Pengurus Kewangan BBGCB
2. Puan Rohani binti Talib
Ketua Pegawai Operasi (MBI)

3. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA

Laporan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepetimana pada 1 Oktober 2014 setelah dua ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri meletakkan jawatan:

- i) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
- ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz yang meletakkan jawatan pada 1 Oktober 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 1 Oktober 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 5 November 2014:

1. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4. Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli

Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang sebelum ini seperti berikut;

1. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli

3.	Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4.	Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
5.	Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
6.	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli
7.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli

4. LATARBELAKANG BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY CLUB RESORT (BBGCB)

Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGCB) atau nama asalnya Irama Sakti Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 30 Mac 1991 dan dimiliki sepenuhnya oleh Venue Venture Sdn Bhd (VVS) yang merupakan syarikat subsidiari kepada Kumpulan Syarikat TALAM Corporation Berhad (TALAM). Pada 27 Disember 2007, satu perjanjian penyelesaian telah ditandatangani di antara VVS yang menyerahkan pegangan BBGCB yang bernilai asset bersih RM 55 juta pada ketika itu untuk menyelesaikan hutang TALAM. Pada 15 Ogos 2008, satu perjanjian penyelesaian di antara PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor telah ditandatangani bertujuan untuk menyelesaikan sebahagian hutang PKPS yang berjumlah RM 75.60 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai penyelesaian, PKPS telah melupuskan pegangan dalam BBGCB kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui MBI dan menjadi syarikat milik penuh MBI. BBGCB memiliki modal dibenarkan dan modal berbayra masing-masing berjumlah RM 5 juta. Visi BBGCB adalah untuk menjadi sebuah resort yang menyediakan kemudahan kelab, padang golf serta memberi perkhidmatan yang berkualiti dan cekap supaya dapat menjadi antara kelab yang terbaik di Malaysia. Aktiviti utama BBGCB adalah mengendali padang golf 36 lubang seluas 362.66 ekar dan menawarkan pelbagai kemudahan rekreasi.

5. PENEMUAN AUDIT, STATUS KEWANGAN DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati prestasi kewangan BBGCB adalah kurang memuaskan. Selain itu, pengurusan aktiviti kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat BBGCB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan.

Seiring dengan teguran Audit dan hasil daripada pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat sembilan kelemahan yang perlu diperbaiki oleh BBGCB. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan disebut adalah seperti berikut:

- 1) Prestasi aktiviti tidak tercapai;
- 2) Pemantauan kurang berkesan;
- 3) Jumlah keahlian kelab tidak berubah;
- 4) Kemudahan dan infrastruktur kelab golf kurang memuaskan;
- 5) Penyeliaan terhadap aset yang tidak memuaskan;
- 6) Pengubahsuaian dan pembinaan bangunan yang tidak mendapat kelulusan;
- 7) Perjanjian yang tidak menjaga kepentingan Kerajaan Negeri;
- 8) Strategi dan rancangan korporat serta petunjuk prestasi utama syarikat tidak disediakan
- 9) Tiada perjanjian dan jadual bayaran balik bagi pinjaman daripada MBI.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1 Prestasi Kewangan Tidak Memuaskan

Semakan Audit

1. Analisa Audit mendapati trend pendapatan yang semakin berkurangan, keuntungan sebelum cukai yang meningkat tetapi tidak memuaskan dan kerugian selepas cukai yang semakin merosot.
2. BBGC menunjukkan trend pendapatan dan perbelanjaan yang semakin menurun untuk tahun kewangan 2010 sehingga 2012.
3. Analisis nisbah kewangan yang meliputi aspek nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti juga kurang memuaskan walaupun terdapat sedikit peningkatan.
4. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan BBGC bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah tidak memuaskan tetapi semakin baik setelah operasi pengurusan kelab golf diambil alih oleh syarikat pengendali.
5. Usaha perlu diambil untuk meningkatkan prestasi kewangan supaya memberi pulangan yang berterusan kepada Kerajaan Negeri kerana mengikut Penyata Kewangan beraudit BBGCB pada 31 Mac 2012, liabiliti semasa syarikat ini melebihi aset semasa dengan sejumlah RM 74.10 juta dan juruaudit bertauliah telah

menyuarkan kewujudan ketidakpastian yang ketara terhadap keupayaan syarikat ini untuk beroperasi secara berterusan.

Perakuan BBGCB

1. Pihak Audit tidak menerima sebarang maklum balas bertulis BBGC pada 11 Julai 2013 dan semasa *exit conference* pada 25 Julai 2013.
2. Pihak MBI tidak dapat *write-off* hutang kepada MBI sebanyak RM 74.10 juta kerana akan menyebabkan kesan cukai yang tinggi iaitu 25% daripada hasil keuntungan BBGCB dan juga pihak MBI tidak mengetahui cara yang betul untuk membuat *write-off* dalam akaun dan audit mereka.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB dan pihak MBI tidak boleh mengambil tindakan sewajarnya untuk meningkatkan prestasi kewangan sejak menerima teguran Audit pada tahun 2012 kerana dibebankan dengan hutang yang diwarisi daripada TALAM Corporation iaitu sebanyak RM 74.10 juta.
2. Pihak MBI tidak mempunyai rancangan jangka pendek dan panjang untuk menghapuskan hutang sebanyak RM 74.10 juta.

6.2 Prestasi Aktiviti Tidak Tercapai

Semakan Audit

1. *Rating* kedudukan senarai kelab golf yang dikeluarkan melalui laman web Malaysian Golf Association mendapati kelab golf BBGC tidak termasuk dalam senarai 20 teratas malahan tidak pernah dinilai oleh Malaysian Golf Association walaupun kelab golf ini adalah ahli kepada pertubuhan tersebut.
2. Pihak Audit juga mendapati tiada kajian semula dibuat oleh BBGCB terhadap hala tuju dan objektif syarikat ini selepas pengambilalihan operasi oleh syarikat pengendali.
3. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi pengurusan aktiviti BBGC adalah kurang memuaskan kerana BBGC tidak termasuk dalam senarai kelab golf teratas di Malaysia.

Perakuan BBGCB

1. Pihak ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk menggunakan misi dan visi BBGC yang lama sehingga tarikh tamat kontrak syarikat The Mines (syarikat pengendali). Kontrak syarikat pengendali The Mines adalah selama lima tahun dan akan tamat dalam tempoh satu tahun.
2. Satu misi dan visi yang baru akan dibuat berdasarkan pencapaian prestasi pihak operator dalam menaikkan BBGCB.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB tidak mempunyai rancangan dan strategi jangka masa pendek dan panjang untuk memastikan visi dan misi syarikat BBGCB dapat dicapai .

6.3 Pemantauan Kurang Berkesan

Semakan Audit

1. Pengurusan BBGC hanya dikendalikan oleh seorang Pengurus Kewangan yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas kewangan dan pentadbiran serta memantau operasi kelab golf.
2. BBGC telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh 2 ahli Lembaga Pengarah serta Pengurus Kewangan dan perlu bermesyuarat 2 bulan sekali tetapi pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada *terms of reference* diwujudkan bagi jawatankuasa tersebut.
3. Jawatankuasa ini bermesyuarat setahun sekali sejak tahun 2011 dan tidak membincangkan hal mengenai kerosakan dan penyenggaraan aset kelab dan padang golf serta masalah berbangkit yang memerlukan penyelesaian segera.
4. Dalam mesyuarat di atas, Jawatankuasa hanya membincangkan mengenai pelaburan penambahbaikan berjumlah RM 3 juta yang perlu dibuat oleh The Mines (syarikat pengendali).
5. Ahli Lembaga Pengarah yang telah bermesyuarat 9 kali sejak The Mines (syarikat pengendali) dilantik juga tidak membincangkan operasi kelab golf secara menyeluruh termasuk maklum balas terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disediakan.
6. Perbincangan lebih tertumpu kepada beberapa perkara sahaja iaitu pelaburan penambahbaikan The Mines (syarikat pengendali) bernilai RM 3 juta (7 kali), prospektus (7 kali), kedudukan bilik hostel (6 kali) dan implikasi cukai (3 kali).

7. The Mines (syarikat pengendali) juga tidak mengemukakan laporan aktiviti secara berkala kepada BBGC bagi tujuan pemantauan oleh ahli Lembaga Pengarah kerana tiada klausa dalam perjanjian yang mengkehendaki The Mines (syarikat pengendali) mengemukakan laporan aktiviti kelab sepanjang tempoh lima tahun.
8. Keadaan persekitaran kelab golf terutamanya padang golf serta kemudahan dan infrastruktur berada dalam keadaan tidak memuaskan serta memerlukan kos pembaikan dan penyenggaraan yang tinggi sekiranya berlaku kerosakan aset setelah tamat perjanjian.

Perakuan BBGCB

1. Pengerusi BBGC menyatakan pertambahan kakitangan akan menyebabkan BBGC menanggung kos sedangkan BBGC hanya memperolehi pendapatan sebanyak RM 90 ribu sebulan iaitu hasil sewa yang dibayar kepada BBGCB oleh The Mines (syarikat pengendali)
2. Pihak BBGC menerangkan tujuan Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan adalah untuk memastikan pelaburan RM 3 juta yang dibuat oleh The Mines (syarikat pengendali) dipatuhi mengikut perjanjian.
3. Selain itu, BBGC juga menerangkan bahawa pelaburan RM 3 juta yang dibuat oleh The Mines (syarikat pengendali) adalah merangkumi penyenggaraan.
4. Lembaga Pengarah juga bersetuju supaya Jawatankuasa Teknikal bermesyuarat dengan lebih kerap serta membincangkan secara menyeluruh mengenai operasi syarikat.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB tidak dapat melakukan pemantauan yang berkesan terhadap The Mines (syarikat pengendali) kerana tidak mempunyai kuasa berunding dan suntikan modal untuk menguruskan BBGCB.

6.4 Jumlah Keahlian Kelab Tidak Berubah

Semakan Audit

1. Jumlah keahlian BBGC seramai 1,660 ahli tidak berubah sejak tahun 2006. Daripada 1,660 ahli, seramai 532 (32%) ahli aktif manakala 1,128 (68%) ahli tidak aktif terdiri daripada ahli tidak hadir, meninggal dunia, gagal membayar yuran keahlian serta digantung dan ditamatkan keahlian.
2. Jumlah keahlian tidak berubah disebabkan BBGC masih belum memperbaharui prospektus yang telah luput pada 20 September 2006.
3. BBGC menghadapi masalah untuk memperbaharui prospektus baru kerana kegagalan BBGC mendapatkan persetujuan secara bertulis (Surat Ikatan Amanah Tambahan) daripada syarikat pengendali sebagai satu pihak terlibat dalam pengurusan kelab golf selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat.
4. Sungguhpun syarikat pengendali telah menambah keahlian baru melalui Bukit Beruntung Privilege Gol Card di mana keahlian diberi secara tahunan, BBGC tidak berhak ke atas keahlian ini sekiranya ahli tidak memperbaharui keahlian setelah tamat tempoh lima tahun.

Perakuan BBGCB

1. Pihak BBGC menyatakan status terkini bagi prospektus adalah masih di peringkat proses penyediaan draf Surat Ikatan Amanah Tambahan untuk ditandatangan oleh pihak The Mines (syarikat pengendali) dan BBGC dan proses ini dijangka selesai pada akhir bulan September 2013.

Penemuan Jawatankuasa

1. Ahli Lembaga BBGCB gagal memastikan Surat Ikatan Amanah Tambahan yang membolehkan prospektus baru diterbitkan ditandatangani oleh The Mines (syarikat pengendali) walaupun telah bermesyuarat sebanyak 9 kali.
2. Ahli Lembaga Pengarah tidak menggariskan visi dan misi BBGCB dengan jelas.

6.5 Kemudahan Dan Infrastruktur Kelab Kurang Memuaskan

Semakan Audit

1. Mengikut Prospektus Tahun 2006, BBGC dikehendaki menyediakan 75 kemudahan kelab bagi penggunaan ahli. Semakan Audit mendapati hanya 56 (74.6%) kemudahan ini disediakan.
2. 19 kemudahan lain yang tidak disediakan termasuk:
 - 2.1 Kantin Makanan Segera;
 - 2.2 Pusat Penjaja;
 - 2.3 Sauna;
 - 2.4 Jakuzi;
 - 2.5 Kedai Roti;
 - 2.6 Pasar Mini;
 - 2.7 Kedai Bunga;
 - 2.8 Kedai Jahitan;
 - 2.9 Kedai Video;
 - 2.10 Bar;
 - 2.11 Butik;
 - 2.12 Salon Rambut;
 - 2.13 Restoran Khas;
 - 2.14 Teres Berbumbung;
 - 2.15 Panggung;
 - 2.16 Delicatessen;
 - 2.17 Creche;
 - 2.18 Galeri Penonton; dan
 - 2.19 Bilik Permainan Dewasa
3. Lawatan pemeriksaan Audit terhadap padang golf dan 19 kemudahan kelab 22 Mac, 11 April dan 6 Jun 2013, mendapati keadaan padang golf dan kemudahan yang disediakan tidak memuaskan, bangunan kelihatan lusuh dan tidak menarik serta persekitaran kelab tidak terjaga telah menyebabkan jumlah pengunjung kelab berkurangan.
4. The Mines (syarikat pengendali) juga tidak melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan dengan sempurna.

Perakuan BBGCB

1. 19 kemudahan yang dibangkitkan telah disediakan oleh pihak BBGC.
2. Walaubagaimanapun, pihak BBGC telah gagal untuk mendapatkan penyewa dan operator untuk kemudahan seperti kantin makanan segera, pusat penjaja, kedai video dan sebagainya. BBGC telah mengubahsuai kawasan ini menjadi pejabat urusan.

3. Sauna dan jacuzzi, diubah suai menjadi bilik penginapan pelanggan Korea.
4. Teres berbumbung, galeri penonton dan bilik permainan dewasa masih berfungsi.
5. Perjanjian BBGCB dengan The Mines (syarikat pengendali) tidak mempunyai *exit clause*.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB melepaskan tanggungjawab menguruskan 19 kemudahan yang tertera di atas.

6.6 Penyeliaan Terhadap Aset Yang Tidak Memuaskan

Semakan Audit

1. Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah BBGC Bilangan 2 Tahun 2011 bertarikh 6 Oktober 2011, The Mines (syarikat pengendali) dikehendaki menyediakan 92 unit pelbagai aset bernilai RM 1.78 juta untuk kegunaan ahli dan penyenggaraan padang golf.
2. Setakat bulan Februari 2013, The Mines (syarikat pengendali) telah menyediakan 137 unit aset bernilai RM 1.52 juta tetapi walaupun terdapat tambahan 45 unit aset dibekalkan namun nilai aset tersebut lebih rendah dengan jumlah RM 257, 440.
3. Selain itu, 34 unit aset yang diluluskan bernilai RM 983, 100 tidak disediakan.
4. Sebaliknya 79 unit aset bernilai RM 725, 660 yang tidak mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah telah dibawa masuk oleh The Mines (syarikat pengendali).
5. Semakan Audit juga mendapati 27 buggy baru yang sepatutnya dibeli oleh syarikat pengendali telah diganti dengan 27 buggy terpakai yang disewa.
6. Status pegangan buggy yang disediakan oleh syarikat pengendali. Daripada 141 buggy yang sedia ada, sebanyak 102 buggy beroperasi dan 39 buggy telah rosak dan memerlukan penyenggaraan. Daripada 39 buggy yang rosak, 22 merupakan buggy terpakai yang diterima oleh BBGC kurang daripada 4 bulan.
7. Lawatan pemeriksaan Audit juga mendapati terdapat jentera lain yang turut rosak dan memerlukan penyenggaraan.
8. Pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh kerosakan buggy dan jentera.

9. Sebahagian besar buggy dan jentera tidak mempunyai sebarang tanda pengenal bagi penentuan hak milik sebenar antara BBGC dan The Mines (syarikat pengendali).

Perakuan BBGCB

1. Pengurus Kewangan menyatakan bahawa beliau telah membentangkan jumlah sebenar pelaburan yang telah dibuat oleh The Mines (syarikat pengendali) dalam mesyuarat teknikal yang telah diadakan pada akhir bulan Jun 2013.
2. Pihak BBGC telah membuat keputusan supaya The Mines (syarikat pengendali) menggantikan alatan/penyenggaraan yang masih belum dibuat yang berjumlah RM 257, 440.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk melakukan penyeliaan aset BBGCB.
2. Pihak BBGCB tidak mempunyai kuasa berunding oleh kerana perjanjian yang tidak mempunyai *exit clause* untuk menuntut The Mines (syarikat pengendali) menggantikan alatan/penyenggaraan yang masih belum dilaksanakan.

6.7 Pengubahsuaian Dan Pembinaan Bangunan Yang Tidak Mendapat Kelulusan

Semakan Audit

1. Pihak Audit tidak dapat menentukan kos yang terlibat dalam mengubah suai dan membina hostel baru oleh Aman Golf Management.
2. Premis asal yang diubahsuai untuk membina hostel baru merangkumi restoran Cina, Kedai Kopi *Old Wing*, Bilik Mainan Kanak-kanak dan Ruang Sekitar, Bilik Pejabat Pentadbiran/VIP dan Bilik Jawatankuasa, Bilik Karaoke, Parkir Kereta dan Kawasan Lapang Sebelah Kelab Lama.
3. Perjanjian tidak ditandatangani di antara Aman Golf Management dengan pemilik terdahulu (Venue Venture Sdn Bhd) semasa projek ini dilaksanakan pada tahun 2004.
4. Pihak Audit juga mendapati selepas kelab golf diambil alih oleh BBGCB, tiada sebarang usaha diambil oleh BBGCB untuk mewujudkan perjanjian dengan Aman Golf Management bagi menentukan terma dan syarat penggunaan bangunan yang telah diubah suai/dibina oleh Aman Golf Management.

5. Aman Golf Management telah membuat pengubahsuaian dan pembinaaan ini tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa yang terlibat antaranya Majlis Daerah serta Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

Perakuan BBGCB

1. Pengurus Kewangan menyatakan kesemua kos serta denda yang ditanggung oleh pihak BBGC akan dituntut semula daripada Aman Golf Management.
2. Selain itu, BBGC juga memaklumkan status kelulusan daripada Pihak Berkuasa terlibat masih di dalam proses.

Penemuan Jawatankuasa

1. Status kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan tidak diberikan prioriti oleh pihak BBGCB untuk memastikan keselamatan pengguna blok hostel dijaga dan juga bagi mengelakkan tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
2. Pihak BBGCB gagal menandatangani perjanjian dengan Aman Golf Management untuk memastikan tiada sebarang pertikaian akan timbul kelak terhadap penggunaan dan hak milik bangunan ini.

6.8 Perjanjian Tidak Menjaga Kepentingan Kerajaan Negeri

Semakan Audit

1. Semakan Audit mendapati keahlian baru yang berdaftar di bawah The Mines (syarikat pengendali) tidak dikenakan bayaran 10% daripada yuran langganan sepertimana yang dikenakan ke atas keahlian lama.
2. Semakan Audit mendapati BBGC dan syarikat pengendali The Mines tidak melaksanakan usaha bagi memasarkan atau mempromosikan kelab golf ini.
3. Klausus 1.1 dalam perjanjian menyatakan syarikat pengendali hendaklah membayar sewa bulanan kepada BBGC berjumlah RM 90 ribu.
4. BBGC terpaksa menanggung implikasi cukai atas sewaan berjumlah RM 200, 377 bermula daripada bulan Ogos 2010 hingga Mac 2011 dan amaun ini akan meningkat sehingga perjanjian tamat.
5. Berdasarkan semakan agen cukai iaitu Deloitte Kassim Chan Tax Services, penyewaan hartanah sebagai punca bukan perniagaan di bawah perenggan 4(d) Akta Cukai Pendapatan akan dikenakan cukai.

Perakuan BBGCB

1. Pengurus Kewangan menyatakan bahawa pihak BBGC terpaksa menanggung cukai atas pendapatan daripada sewaan bagi tahun 2012.
2. Bagaimanapun bagi tahun 2013, pihak BBGC menyatakan bahawa syarikat akan menggunakan sebahagian daripada pendapatan sewa bagi tujuan penyenggaraan bagi mengurangkan amaun cukai yang perlu dibayar ke atas pendapatan sewa kasar.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB gagal menegaskan kepada pihak The Mines (syarikat pengendali) bahawa keahlian yang baru berdaftar seharusnya menyumbang 10% daripada yuran langganan ke dalam sinking fund.
2. Pihak BBGCB tidak dapat menggariskan matlamat pemasaran dan promosi yang harus dilakukan kerana tidak mempunyai modal yang mencukupi serta terikat dengan perjanjian The Mines yang berat sebelah dan tiada kuasa berunding.
3. Pihak BBGCB tidak mengambil kira implikasi cukai di dalam caj sewaan kepada syarikat pengendali The Mines semasa menyediakan perjanjian.

6.9 Tadbir Urus Korporat

Semakan Audit

1. Keahlian 2 orang ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan peguam tidak mengikut seperti cadangan penubuhannya.
2. Mengikut Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965, ahli Lembaga Pengarah tidak boleh mempunyai hubungan perniagaan dengan syarikat dan tidak menggunakan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarah untuk mendapat keuntungan sama ada terus atau sebaliknya, untuk dirinya atau menyebabkan kerugian kepada syarikat.
3. Semakan Audit mendapati Encik Edlin bin Ghazaly merupakan peguam panel BBGC telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah BBGC Bilangan 3 Tahun 2010.
4. BBGC tidak menu buhkan Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kerana syarikat ini merupakan sebuah agensi yang kecil.
5. Semakan Audit mendapati strategi dan rancangan korporat serta KPI syarikat tidak disediakan sejak BBGC diambil alih oleh MBI

6. BBGC masih belum menandatangani Corporate Integrity Pledge dan tidak melaksanakan Corporate Integrity Pact dalam urusan perolehan seperti yang ditetapkan dalam pekeliling.
7. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu pekeliling mengenai panduan permohonan pembayaran bonus tahun 2012 telah dikeluarkan oleh MBI pada bulan Januari 2013.
8. Ahli Lembaga Pengarah BBGC telah membuat pembayaran bonus ex-gratia kepada kakitangannya pada bulan Februari 2013.
9. Lembaga Pengarah MBI bersetuju menjadikan hutang sejumlah RM 74.10 juta sebagai pinjaman tetapi tiada bukti menunjukkan pinjaman diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah BBGCB dan pinjaman ini tidak diambil kira dalam Penyata Kewangan MBI sejak tahun 2008.

Perakuan BBGCB

1. Pihak BBGCB menyatakan pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang lepas, mesyuarat telah bersetuju untuk mengeluarkan surat kepada Encik Edlin bin Ghazaly samada untuk meletakkan jawatan sebagai peguam atau ahli Lembaga Pengarah BBGCB.
2. Pengurus Kewangan menyatakan bahawa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah BBGCB pembayaran ex-gratia adalah berdasarkan aliran tunai BBGCB yang memuaskan/positif walaupun keuntungan syarikat tidak memuaskan.
3. Pihak BBGCB dalam proses menandatangani satu perjanjian novasi yang melibatkan pihak VVSB, MBI dan Kerajaan Negeri Selangor bagi penyelesaian hutang RM 74.10 juta.
4. Pihak MBI telah melaporkan kepada pihak Audit bahawa tiada amaun hutang RM 74.10 juta yang direkodkan dalam penyata kewangan MBI.
5. Cabutan daripada Keputusan MMKN menunjukkan keputusan kelulusan terhadap penyelesaian isu percukaian BBGCB kesan daripada transaksi pelupusan hutang (waive off) berjumlah RM 74.10 juta ini telah dipanjangkan kepada Pengerusi BBGCB pada waktu itu kepada MBI dan juga BBGCB pada 25 Mei 2010.

Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak BBGCB telah gagal memastikan proses pelantikan Ahli Lembaga Pengarah BBGCB dilaksanakan dengan berhemah.

2. Pihak BBGCB tidak memantau pengurusan kewangan BBGCB kerana BBGCB tidak berkemampuan mempunyai unit audit dalaman.
3. Ahli Lembaga Pengarah BBGCB tidak mempunyai rancangan dan strategi tadbir urus korporat untuk menguruskan syarikat BBGCB.
4. Ahli Lembaga Pengarah BBGCB gagal menandatangani dan melaksanakan Corporate Integrity Pledge.
5. Ahli Lembaga Pengarah BBGCB tidak memaklumkan kepada pihak MBI dan MMKN apabila membuat pembayaran bonus ex-gratia kepada semua kakitangan BBGCB.

7. SARANAN JAWATANKUASA

Secara umumnya, pada pandangan Jawatankuasa, Kerajaan Negeri harus melupuskan aset BBGCB kerana syarikat BBGCB tidak mempunyai kepakaran dan keupayaan untuk mengurus syarikat BBGCB.

Sementara itu, Jawatankuasa turut mencadangkan saranan-saranan lain seperti di bawah.

Saranan Teras


1. Kerajaan Negeri harus mencari jalan penyelesaian untuk menghapuskan hutang sebanyak RM 74.10 juta.
2. Kerajaan Negeri harus menyediakan rancangan dan strategi tadbir urus korporat jangka masa pendek dan panjang serta menggariskan visi dan misi syarikat BBGCB dengan jelas supaya visi dan misi pengurusan BBGCB dapat dicapai.
3. Kerajaan Negeri harus menyumbang nasihat kepada BBGCB supaya dapat mengelak perjanjian yang tidak mempunyai *exit clause* dan juga untuk memantau pengurusan kewangan melalui Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (UAD SUK).
4. Kerajaan Negeri harus memastikan setiap perjanjian dengan syarikat pengendali harus ditandatangani untuk memastikan tiada sebarang pertikaian akan timbul kelak terhadap penggunaan dan hak milik bangunan ini.
5. Kerajaan Negeri harus memastikan status kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan diberikan prioriti utama untuk menjaga keselamatan pengguna blok hostel BBGCB dan juga bagi mengelakkan tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
6. Kerajaan Negeri harus memastikan BBGCB menandatangani Corporate Integrity Pledge.

Saranan Sokongan

1. Kerajaan Negeri harus memastikan setiap perjanjian baru yang ditandatangani oleh BBGCB dengan syarikat pengendali mengambil kira implikasi cukai dalam caj sewaan.
2. Kerajaan Negeri harus memastikan proses pelantikan Ahli Lembaga Pengarah BBGCB dilaksanakan dengan berhemah.
3. Kerajaan Negeri harus memastikan Ahli Lembaga Pengarah BBGCB memaklumkan kepada pihak MBI dan MMKN apabila membuat pembayaran bonus ex-gratia kepada semua kakitangan BBGCB.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Puan Gan Pei Nei (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 5 November 2014.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat
(JP-ABAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS):

- | | |
|--|-----------|
| i)Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii)Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| iii)Y.B. Puan Yeo Bee Yin
(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |
| iv)Y.B. Puan Gan Pei Nei
(ADN Kawasan Rawang) | Ahli |
| v)Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |

URUS SETIA

- i)Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

